

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HGM 333 - Pemikiran Geografi

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja. Soalan **SATU** adalah **WAJIB** dan pilih **DUA [2]** soalan yang lain.

1. Bincangkan sejauhmana benar bahawa penyelidikan dan kaedah geografi masa kini amat relevan untuk menyelesaikan masalah (problem-solving). Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh tertentu dari penyelidikan geografi manusia atau/dan geografi fizikal.

[40 markah]

2. Terlalu banyak perhatian diberi dalam sejarah idea geografi terhadap dikotomi dalam bidang geografi. Bincangkan 5 isu yang dititikberatkan.

[30 markah]



Sumber: Jensen, A.H. (1999) Geography, History and Concepts, m.s. 193

Rajah 1 - Perhubungan di antara faktor-faktor yang menjelaskan landskap Budaya

3. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan 3 mod penjelasan demi memahami landskap budaya sebagai objek kajian geografi.

[30 markah]

4. Bincangkan kelebihan penggunaan kaedah kualitatif pada kajian geografi pascamoden. Sokong hujah anda dengan contoh-contoh dari kajian feminis/medikal/gender dan lain-lain.

[30 markah]

5. Urbanisme merujuk kepada pola-pola sosial dan perilaku berkait dengan gerakbalas terhadap pilihan untuk tinggal di bandar. Jelaskan konsep ini dengan merujuk kepada contoh-contoh kajian yang relevan.

[30 markah]